

Mikroskru dalam Ortodontik

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

Taman U 大学城: 26, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel:607-521 1111,
SMS: 6012-8800100 HP:6 014-888 9000

U Dental Specialist Clinic 优牙科专科诊所 Klinik Pakar Pergigian U

Bukit Indah 武吉英达: 65, Jalan Indah 16/12, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru, Johor.

Tel: 607-234 2000, SMS: 6014-508 0000 HP: 6019-500 6 900

Tel: 07-232 4444, SMS: 6014-9 900 900 HP: 6014-888 2000

www.gigi.my info@gigi.my

MAKLUMAT PESAKIT: MEMBUAT KEPUTUSAN BIJAK

Apa itu mikroskru ?

Ia adalah skru keluli mini yang dimasukkan ke dalam tulang rahang melalui gusi dan berfungsi sebagai sumber daya dan penyokong untuk menggerakkan gigi dengan lebih banyak daripada cara konvensional.

Apa kebaikan mikroskru berbanding dengan cara konvensional ?

Kenapa saya perlu mikroskru


- Untuk menggerakkan gigi di luar posisi, gigi yang berada di mulut selalunya dijadikan penambat. Tetapi bukan semua kes membenarkan gigi dijadikan penambat atas sebab gigi penambat akan bergerak.
- Mikroskru boleh dijadikan penambat dalam case begini untuk membetulkan posisi gigi dan menutup ruang antara gigi.

Situasi di mana mikroskru berguna:


- Gigi depan terlalu keluar, perlu banyak daya untuk masukkan gigi:




- Gigi depan terlalu Nampak gusi, perlu tekan gigi ke atas:




- Gigi belakang terlalu panjang sampai gigi depan tidak boleh rapat, gigi belakang perlu ditenggelamkan sedikit:



- Menggerakkan gigi belakang ke depan tanpa gigi depan ke belakang:




- Menggerakkan garis tengah gigi depan ke sebelah-daya lebih banyak diperlukan pada sebelah.



MicroscrewBMPT.pdf

- Kalau pakai gigi geraham pertama sebagai sokongan, gigi geraham pertama akan condong ke depan bila tarik gigi depan. Ini menyebabkan satu tiga segi kosong di depan geraham yang tidak dipenuhi tulang dan gusi, jika makanan lebih senang sumbat. Jika hendak tambah satu sokongan di geraham kedua, celah mungkin terbuka sebab 2 lapis gegelang diperlukan.



Bagaimana mikroskru dimasukkan ke dalam rahang?

- Mikroskru boleh ditempatkan bila masa semasa rawatan braces.
- Bius setempat digunakan untuk biuskan tempat gusi
- Lubang akan dibuat di rahang untuk masukkan skru atau skru boleh terus ditanam ke dalam rahang
- Sedikit tidak keselesaan mungkin akan dirasa semasa penempatan skru.
- Braces boleh digunakan dengan skru serta merta atau kemudian untuk memulakan proses menggerakkan gigi.

Adakah ia sakit?

- Tidak. Penempatan mikroskru tidak akan menyebabkan sakit. Tetapi selepas ubat bius telah reda, mungkin kamu akan rasa sedikit tidak selesa untuk 24 jam.
- Kalau ada sakit, ubat seperti Paracetamol & ibuprofen yang sering digunakan untuk sakit kepala boleh diambil.

Apa yang perlu saya buat?

- Berus secara perlahan di tempat mikroskru dengan ubat gigi berfluorida dan berus gigi
- Jangan guna berus gigi elektronik.
- Jangan kacau tempat micro-screw dengan jari atau lidah!
- Guna ubat kumur "Chlorexidine" untuk kumur di tempat skru selama 5 hari.

Mula-mula, mikroskru mungkin akan longgar sedikit.

Apakah risiko mikroskru?

- Tiada bukti yang dapat menunjukkan tahap kesuksesan mikroskru tetapi tiada juga bukti yang mengatakan mikroskru berbahaya kepada pesakit. Kadar kesuksesan adalah lebih daripada 80%.
- Mikroskru selalu diposisi di tengah 2 akar gigi. Selalunya skru akan stabil semasa rawatan. Risikonya mungkin seperti dibawah:
- Skru akan terkena akar gigi, tetapi selalunya akar gigi akan sembuh dengan baik.
- Skru akan jadi longgar tetapi ia boleh diposisikan di tempat yang sama pada rawatan yang seterusnya.
- 5% daripada semua kes penempatan skru mungkin patah tetapi ia boleh dikeluarkan tanpa menyebabkan kerosakan di mana mana tempat.
- 15-20% mikroskru akan gagal di tahap awal dan boleh digantikan dengan yang baru.
- Infeksi - jarang berlaku jika tempat skru dijaga dengan baik.

Apa cara lain yang ada jika saya tidak mau memasang mikroskru?

Doktor gigi anda akan menerangkan cara-cara untuk menggerakkan gigi. Mikroskru sering digunakan untuk menjadikan rawatan braces anda lebih efisien dan efektif.

Cara lain yang boleh digunakan termasuk memakai "headgear", cabutan gigi, atau menerima ruang antara gigi. Doktor anda akan mencadangkan cara yang paling sesuai untuk kes kamu. Keputusan muktamad tertakluk pada anda.

Berapa lama skru akan berada di dalam mulut?

Mikroskru akan berada di dalam mulut untuk beberapa bulan. Selepas pergerakan gigi selesai, skru akan dikeluarkan.

Bagaimana mikroskru dikeluarkan?

Sangat senang, selalu dibuat tanpa ubat bius. Tulang dan gusi akan sembuh dengan sempurna.

Kos dan cara bayaran?

RM750 per skru. Jika skru longgar kerana apa-apa sebab (misalnya jangkitan), satu skru baru akan dibuat dengan percuma. Satu rawatan ikat gigi biasanya perlukan 2 skru, kadang-kadang 4 (3 percuma 1), malahan 6 (4 percuma 2).